



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS PELANCARAN TASKA SEJAHTERA SERI WILAYAH DAN PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA KSU KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

17 Julai 2012, Putrajaya - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) hari ini melancarkan satu lagi kemudahan untuk warganya iaitu Taska Sejahtera Seri Wilayah. Taska tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Ahmad Phesal bin Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar.

Taska yang dijangka beroperasi sepenuhnya bermula 3 September 2012 telah menerima permohonan sebanyak 61 borang. Bayi (bawah umur 1 tahun) adalah seramai 21 orang, kanak-kanak berumur 1 tahun hingga 2 tahun seramai 17 orang, kanak-kanak berumur 2 tahun sehingga 4 tahun seramai 14 orang dan selebihnya masih belum lahir tetapi telah membuat tempahan untuk menempatkan anak-anak mereka di taska ini.

Taska Sejahtera Seri Wilayah ini akan diuruskan oleh Syarikat Ayu Manja Sdn. Bhd dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat serta merupakan syarikat yang mempunyai prestasi yang sangat baik dengan Jabatan tersebut. Tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada graduan lepasan diploma dan ijazah yang kebanyakannya mempunyai latar belakang Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kementerian ini turut mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008 berhubung pemberian subsidi yuran pengasuhan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja sektor awam. Kadar subsidi yang layak diberi adalah mengikut yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak dan pegawai yang layak menerima subsidi ini adalah bagi pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.

Kementerian berharap dengan penyediaan kemudahan taska dan subsidi yang diberikan oleh pihak Kerajaan adalah demi menjaga kebajikan warganya dan secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu perkhidmatan penjawat awam.

Terdahulu, sebelum itu Dato' Ahmad Phesal bin Talib telah menyampaikan ucapan dalam Perhimpunan Bulanan kementerian di Putrajaya. Beliau yang akan memulakan tugas baru sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru turut melakukan *clock out* yang terakhir selaku Ketua Setiausaha di kementerian ini. Beliau yang telah berkhidmat selama 35 tahun dalam perkhidmatan awam, mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam pentadbiran, pembangunan dan perancangan wilayah serta pengurusan kerajaan tempatan sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 2007. Semasa memegang jawatan Ketua Setiausaha kementerian, beliau terlibat secara langsung dengan dasar-dasar mengenai Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur, seperti; Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley, River of Life serta program-program pembangunan lain di ibu kota; dan ini akan memudahkan beliau menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur kelak.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

17 Julai 2012

PUTRAJAYA